

K

SISTEM BUDAYA MASYARAKAT DESA DI JEPUN
PADA ZAMAN TOKUGAWA

AZIZAN BIN HAD

FAKULTI SASTERA DAN SAINS SOSIAL
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR
SESSI 1998/99

Perpustakaan Universiti Malaya



A508766492

Dinikrofikasikan pada.....10.12.9001.....
No. Mikrofis.....15134.....
Jumlah Mikrofis.....2.....

HAMSIH BT. MOHAMAD ZAHARI
UNIT REPROGRAFI
PERPUSTAKAAN UTAMA
UNIVERSITI MALAYA



**SISTEM BUDAYA MASYARAKAT DESA DI JEPUN
PADA ZAMAN *TOKUGAWA***

AZIZAN BIN HAD

**Disertasi ini dikemukakan sebagai memenuhi sebahagian keperluan
untuk mendapatkan Ijazah Sarjana Sastera
(Pengajian Peradaban)
di Fakulti Sastera dan Sains Sosial Universiti Malaya
1999**

Penghargaan

Penulis ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Penyelia Disertasi Encik Azhar Aros yang telah banyak membantu sehingga disertasi ini dapat dilengkapi pada tarikh yang telah ditetapkan. Tidak lupa juga kepada keluarga dan rakan-rakan yang telah banyak membantu memberi semangat agar penulis dapat menamatkan kursus ini dengan jayanya.

Sekian.

KANDUNGAN

ISI KANDUNGAN	HALAMAN
PENDAHULUAN	1
BAB 1 KONSEP TAMADUN DAN KONSEP BUDAYA	
1.1 TAMADUN DAN BUDAYA	8
1.1.1 KONSEP TAMADUN	8
1.1.2 HUBUNGAN KONSEP TAMADUN DAN BUDAYA	12
1.2 TAMADUN JEPUN DAN KEBUDAYAANNYA	14
1.2.1 BUDAYA JEPUN PADA ZAMAN AWAL	14
1.2.2 PENIRUAN DARI NEGARA CHINA	16
1.2.3 TULISAN DALAM TAMADUN JEPUN	18
1.2.4 KESUSASTERAAN DALAM BUDAYA JEPUN	19
1.3 KESHOGUNAN <i>TOKUGAWA</i>	20
1.3.1 SISTEM SOSIAL DAN KEJATUHANNYA	22
1.3.2 KESHOGUNAN <i>TOKUGAWA</i> DALAM TAMADUN JEPUN	24
BAB 2: PENANAMAN PADI DALAM BUDAYA JEPUN	
2.1 PENDAHULUAN	30
2.2 CIRI PERKAMPUNGAN ZAMAN <i>TOKUGAWA</i>	31
2.2.1 PEMBAHAGIAN TANAH DAN CUKAI	32
2.2.2 TANGGUNGJAWAB DAN KAWALAN TERHADAP PETANI	34
2.2.3 KEHIDUPAN MASYARAKAT PERTENGAHAN DAN ATASAN	36
2.3 ORGANISASI KAMPUNG PETANI	37
2.3.1 HUBUNGAN ANTARA MASYARAKAT PETANI	39
2.3.2 PERTUBUHAN BELIA (<i>WAKAMONOGUMI</i>) DI KAMPUNG	42
2.4 PERTANIAN DALAM KERANGKA TAMADUN	44
BAB 3: AGAMA DAN MASYARAKAT JEPUN ZAMAN <i>TOKUGAWA</i>	
3.1 PENDAHULUAN	50
3.2 AGAMA DI JEPUN: SUATU PANDANGAN UMUM	51
3.3 AMALAN DAN UPACARA AGAMA MASYARAKAT JEPUN	54
3.3.1 UPACARA DAN PERAYAAN BERRKAITAN AGAMA	55
3.3.2 TARIAN KEAGAMAAN	57
3.3.3 INTERAKSI MASYARAKAT DESA DALAM HAL AGAMA	59
3.4 AKTIVITI KEAGAMAAN DI JEPUN DALAM RANGKA TAMADUN	62
BAB 4: TEATER DI JEPUN	
4.1 PENDAHULUAN	68
4.2 TEATER PUPPET	

4.2.1 ASAL USUL TEATER PUPPET	68
4.2.2 TEATER PUPPET DAN MASYARAKAT DESA	71
4.3 KABUKI	
4.3.1 ASAL USUL KABUKI	72
4.3.2 MASYARAKAT DESA DAN KABUKI	76
4.4 UNSUR-UNSUR BUDAYA LAIN	
4.4.1 PENDIDIKAN	77
4.4.2 SENI MEMPERTAHANKAN DIRI	81
4.5 PANDANGAN UMUM KESENIAN ZAMAN <i>TOKUGAWA</i> DALAM RANGKA TAMADUN	83
BAB 5: PENUTUP DAN KESIMPULAN	88
RAJAH	98
BIBLIOGRAFI	103

Abstrak

Penulis akan memulakan perbincangan penulis mengenai tajuk ‘Sistem Budaya Masyarakat Desa di Jepun Pada Zaman *Tokugawa*’ dengan menerangkan serba sedikit mengenai konsep tamadun dan budaya serta perkaitan antara kedua-duanya. Akan dijelaskan juga konsep peradaban yang berkitar menurut Ibnu Khaldun dan penyesuaian antara tamadun Jepun dengan konsep peradaban ini terutamanya dalam membincangkan perkembangan dan kejatuhan keshogunan *Tokugawa*. Di sini penulis akan menunjukkan bahawa konsep peradaban yang berkitar itu memang sesuai untuk diaplikasikan terhadap tamadun Jepun terutamanya pada tahap pemerintahan *Tokugawa* pada tahun 1600 hingga 1868.

Seterusnya penulis akan membincangkan mengenai kepentingan penanaman padi dalam budaya Jepun. Apa yang hendak diperjelaskan di sini ialah penanaman padi membentuk budaya dan cara hidup masyarakat petani di zaman *Tokugawa*. Selain itu penulis akan membuktikan bahawa beras sememangnya merupakan sumber ekonomi yang penting untuk membayar cukai (dikalangan petani) dan sumber kekayaan dan pendapatan golongan tuan tanah dan pemerintah. Kegiatan ekonomi ini juga memainkan peranan utama dalam perhubungan antara petani dengan petani (miskin dengan kaya) dan hubungan antara rakyat dengan pemerintah. Penulis juga akan menjelaskan bagaimana kehidupan masyarakat petani dalam kehidupan seharian mereka dan organisasi yang wujud di kampung-kampung dengan merujuk contoh pertubuhan *wakamonogumi* yang juga bertindak mengorientasikan masyarakat Jepun pada ketika itu. Perkara utama yang ingin disampaikan di sini ialah masyarakat Jepun belajar untuk memimpin masyarakat mereka walaupun

mereka bukannya dari kelas pemerintah.

Seterusnya akan dijelaskan mengenai budaya masyarakat Jepun bermula dengan agama, kesenian (teater) dan hasil kesusasteraan yang menerima kesan daripada pemerintahan keshogunan *Tokugawa*. Tujuan penulis merujuk kepada unsur budaya ini ialah kerana ianya merupakan unsur budaya yang utama dan tindak balas masyarakat Jepun kepada unsur budaya ini dapat dilihat. Persoalannya adakah masyarakat Jepun hanya patuh dan menerima sahaja arahan yang diterima dari pihak atasan atau menentang. Jika mereka menentang bagaimanakah bentuk penentangan itu, adakah mereka berdiam diri sahaja atau menjalankan upacara dan kegiatan agama itu secara bersembunyi atau mereka melakukan penentangan secara kekerasan. Di sini akan dijelaskan pola-pola reaksi tindak balas masyarakat Jepun terhadap arahan dan larangan penguasa tempatan.

Penulis seterusnya akan menyimpulkan mengenai peranan yang dimainkan oleh petani ini dalam kejatuhan kerajaan *Tokugawa*. Apakah mereka memainkan peranan yang besar atau hanya menjadi pengikut sahaja terhadap golongan yang tidak puas hati terhadap pemerintahan keshogunan *Tokugawa*.

PENDAHULUAN

BIDANG PENYELIDIKAN

Kajian mengenai keshogunan *Tokugawa* telah banyak ditulis sama ada oleh sarjana Barat atau sarjana dari negara Jepun sendiri. Biasanya apabila merujuk kepada kejatuhan keshogunan *Tokugawa*, ramai penyelidik yang mengkaji mengenai sebab kejatuhan keshogunan *Tokugawa* merujuk kepada suasana politik pada ketika itu dengan mengambil kira faktor kelas atasan iaitu kelas pemerintah (*Shogun, Daimyo dan Samurai*) sewaktu menerangkan mengenai sebab kejatuhan keshogunan *Tokugawa* itu. Tidak ramai yang merujuk kepada peranan yang dimainkan oleh masyarakat Jepun yang terdiri dari golongan petani, saudagar dan petukang yang menduduki kelas bawahan dalam struktur sosial yang ditentukan oleh keshogunan *Tokugawa* itu. Selain itu, tidak ramai sarjana yang meninjaunya dari segi ketamadunan iaitu melihat dan mengaplikasikan teori ketamadunan terhadap sesuatu negara atau negara bangsa.

Dengan mengambil kira faktor di atas, saya menulis mengenai 'Budaya Masyarakat Jepun di Zaman *Tokugawa*' dengan menumpukan bidang penyelidikan disertasi ini mengenai 'sistem budaya' masyarakat Jepun pada zaman itu. Antara sistem budaya yang akan dikaji ialah kesenian (*art*), pendidikan (*education*), pemikiran (*thought*), agama (*religion*) dan teater. Seperti yang diketahui budaya merupakan cara bagaimana manusia bekerja dan berinteraksi antara satu sama lain dan caranya adalah spesifik terhadap masyarakat manusia. Saya hanya akan menumpukan kepada beberapa aspek utama dalam bidang berkenaan dengan menumpukan kepada unsur kebudayaan yang

menerima kesan dari pemerintahan keshogunan *Tokugawa* dan bagaimanakah tindak balas masyarakat Jepun terhadap dasar kerajaan pada zaman itu.

Masyarakat yang dimaksudkan di sini ialah masyarakat bawahan di negara Jepun yang terdiri dari tiga kelas bawahan yang telah disebutkan tadi. Perlu juga ditumpukan perhatian terhadap masyarakat desa iaitu masyarakat yang tinggal di kawasan pedalaman terutamanya kawasan yang jauh dari kawasan bandar-bandar utama di Jepun pada ketika itu kerana mereka inilah yang membentuk sebahagian besar rakyat dan masyarakat Jepun pada ketika itu. Selain itu kajian lalu yang telah dilakukan oleh sarjana mendapati lebih 1,000 pemberontakan berlaku sepanjang pemerintahan keshogunan *Tokugawa* dan kesemua pemberontakan ini dilakukan oleh golongan petani. Dengan itu adalah penting untuk kita melihat bagaimana reaksi masyarakat ini terhadap dasar dan arahan kerajaan *Tokugawa*.

Walaupun terdapat persamaan antara budaya masyarakat yang tinggal di kawasan bandar dengan masyarakat yang tinggal di desa-desa dan kawasan luar bandar, namun ada pendapat yang mengatakan bahawa masyarakat desa mengembangkan sistem budaya tersendiri yang berlawanan dengan budaya masyarakat bandar. Selain itu tujuan penyelidik untuk mengkhususkan penyelidikan kepada masyarakat bawahan adalah kerana kebanyakan kajian yang telah dilakukan adalah mengenai kebudayaan masyarakat di bandar-bandar (dalam kes ini di Jepun) manakala kebudayaan masyarakat desa pula penulisannya agak sedikit.

Sementara itu, saya juga mengkaji unsur budaya berkenaan dari segi asal usulnya, serta melihat perkembangannya pada bahagian awal dan akhir zaman pemerintahan kerajaan *Tokugawa* pada abad

ke-19. Selain itu ada juga sarjana yang berpendapat bahawa sebelum penghujung abad ke-18 kebudayaan masyarakat desa di Jepun masih belum berkembang lagi. Dengan itu adalah penting untuk melihat bagaimana evolusi budaya masyarakat Jepun pada ketika itu walaupun hanya sebahagian ringkas sahaja yang akan diterangkan. Selain itu kebanyakan elemen budaya masyarakat desa termasuk teater dan puisi muncul kali pertamanya pada abad ke-18 dengan bentuknya yang tersendiri dan mungkin ada yang lebih awal dari itu, namun pada abad ke-19 inilah masyarakat desa mula memikirkan bersama mengenai nilai kesenian sebagai sebahagian dari kehidupan dan pekerjaan mereka.

TAJUK RANCANGAN PENYELIDIKAN.

Tajuk rancangan penyelidikan ini ialah "Sistem Budaya Masyarakat Desa di Jepun Pada Zaman *Tokugawa*". Seperti yang telah dijelaskan masyarakat desa merupakan mereka yang tinggal di kawasan perkampungan yang mewujudkan sistem budaya mereka yang tersendiri. Bagi negara Jepun walaupun ada persamaan antara budaya masyarakat desa dengan masyarakat yang tinggal di bandar-bandar, namun masyarakat desa telah cuba untuk mewujudkan budayanya yang tersendiri dan menyebabkan wujud percanggahan antara budaya masyarakat desa dengan budaya masyarakat bandar.

OBJEKTIF KAJIAN.

Objektif kajian ini dilakukan ialah untuk melihat dari sudut tamadun bagaimana unsur budaya memainkan peranan dalam kejatuhan keshogunan *Tokugawa*. Namun demikian tumpuan akan diberikan terhadap unsur budaya petani dan bagaimana tindak balas masyarakat golongan bawahan terhadap tekanan dan arahan yang dikeluarkan oleh penguasa pada zaman *Tokugawa*. Selain itu, penjelasan dari segi ketamadunan dijangka akan dapat menjawab persoalan mengenai apakah kepentingan budaya dalam masyarakat bawahan dan usaha mereka untuk mengekalkan unsur budaya berkenaan dalam sesebuah kerajaan.

Selain itu, akan dijelaskasn juga adakah terdapat persamaan atau perbezaan antara budaya masyarakat desa di Jepun berbanding dengan masyarakat bandar. Sekiranya terdapat perbezaan kajian ini akan mengenalpasti sejauh manakah persamaan atau perbezaan itu wujud. Selain itu adakah kesyogunan *Tokugawa* memainkan peranan dalam membentuk budaya masyarakat di Jepun pada ketika itu serta kesannya dalam jangka panjang sekiranya masyarakat tidak dibenarkan untuk mengamalkan sesuatu budaya yang dianggap penting dalam masyarakat.

METODOLOGI KAJIAN

Oleh kerana kekurangan sumber primer terutamanya sumber dalam bahasa Jepun, saya hanya akan merujuk kepada sumber sekunder yang ditulis oleh sarjana Barat dan sarjana Jepun sendiri. Diharapkan pada masa akan datang saya akan dapat meneruskan kajain dengan berpandukan kepada rekod-rekod bertulis dalam bahasa Jepun sekiranya masa dan keadaan mengizinkan. Selain itu saya juga akan menggunakan kaedah kajian perpustakaan untuk sebahagian besar bagi kajian ini dengan berpandukan kepada buku, jurnal, dan ensiklopedia yang sedia ada dengan sebaik mungkin untuk

menghasilkan kajian yang benar-benar mantap dan mendalam dengan masa yang amat terhad ini. Saya berharap pada masa akan datang kekurangan ini akan dapat di atasi. Namun demikian adalah tidak dinafikan bahawa metod kajian yang lain juga mungkin akan digunakan seperti penafsiran dan analisis serta temubual.

PEMBAHAGIAN BAB

Bab pertama kajian ini dimulakan dengan mengenalkan konsep tamadun dan konsep budaya serta perkaitan diantara kedua-dua konsep itu. Selain itu akan dijelaskan juga tentang budaya masyarakat Jepun yang bermula sejak zaman awal lagi iaitu budaya *Jomon*, *Yayoi* dan *Kofun*. Pada tahap ini juga terdapat peniruan daripada budaya China dalam berbagai bentuk termasuk tulisan dan bahan bacaan. Malahan masyarakat Jepun juga meminjam dan mengubahsuai sistem politik dan sosial masyarakat China dan menjadikannya budaya masyarakat Jepun. Seterusnya akan dijelaskan pula perkaitan antara teori ketamadunan Ibnu Khaldun dengan tamadun Jepun.

Bab kedua dimulakan dengan mengenalkan penanaman padi yang menjadi budaya sebahagian besar masyarakat desa di Jepun pada ketika itu. Selain itu akan dijelaskan juga struktur sebuah perkampungan di Jepun dan peranan yang dimainkan oleh ahli-ahlinya serta hubungan diantara mereka dalam sesebuah kampung. Tujuan penulisan ini ialah untuk menunjukkan bagaimana golongan petani mewujudkan sistem kepimpinan mereka sendiri dalam keadaan golongan *samurai* tidak lagi berada di kawasan perkampungan mereka. Akan dijelaskan juga suatu model kepimpinan kampung iaitu pertubuhan *wakamonogumi* yang diwujudkan di kampung-kampung. Dalam pertubuhan ini ahli-ahlinya dilatih untuk memimpin masyarakat dan ia juga seolah-oleh seperti suatu sistem orientasi sebelum seseorang lelaki itu diterima sebagai anggota kampung berkenaan.

Bab ini juga memperlihatkan perbezaan dikalangan unsur budaya masyarakat desa iaitu masyarakat desa kelas atasan dan kelas bawahan. Walaupun kedua-dua mereka berada dalam kelas yang sama, namun masyarakat desa kelas atasan memiliki budaya yang hampir sama dengan masyarakat kota. Biasanya mereka terdiri daripada pemilik tanah dan mereka jugalah yang menjadi sasaran sekiranya berlaku pemberontakan dikalangan masyarakat petani kelas bawahan. Sementara itu, pengenalan sistem pendidikan mewujudkan golongan petani yang terdidik dan mengetahui perkembangan semasa. Ini ditambah pula dengan perkembangan hasil kesusasteraan dalam bentuk novel dan kewujudan akhbar-akhbar pada ketika itu. Hal ini menyebabkan mereka sentiasa bersedia sekiranya berlaku sesuatu. Selain itu, masyarakat desa juga telah mempelajari mengenai seni mempertahankan diri, berbeza dengan keadaan sebelumnya, iaitu hanya kelas *samurai* sahaja yang dibenarkan untuk mengamalkan kesenian berkenaan.

Bab ketiga dan keempat akan menjelaskan sistem budaya di Jepun dimulakan dengan agama. Penekanan akan diberikan kepada unsur agama dan tekanan-tekanan yang dikenakan oleh kerajaan *Bakufu* terhadap masyarakat petani dalam menjalankan aktiviti keagamaan mereka. Ini kerana pada waktu berkenaan kerajaan lebih mengutamakan agama *Konfusianisme* manakala agama-agama lain dianak tirikan termasuk agama *Shinto* dan *Buddhisme*.

Bab keempat iaitu mengenai teater dan kesenian masyarakat Jepun memperlihatkan mengenai gaya hidup masyarakat kota dan golongan atasan yang serba kemewahan. Suatu perkara penting ialah ketagihan golongan *samurai* terhadap kesenian *kabuki* sehingga mereka sanggup bergaduh untuk merebutkan pelakon kabuki sama ada pelakon wanita atau remaja lelaki. Hal ini menyebabkan

golongan ini menjadi lemah dan banyak berhutang. Sementara itu masyarakat desa juga dilanda budaya yang sama tetapi pada tahap ini kedudukan dan perpaduan dikalangan mereka adalah masih kukuh.

Pada bab kesimpulan pula akan dijelaskan mengenai kesan-kesan dasar yang diperkenalkan oleh pemerintah dalam membentuk budaya Jepun. Tidak dapat dinafikan bahawa dasar pemerintah *Tokugawa*lah yang membentuk budaya Jepun seumpama itu. Selain dari itu kesan dari tekanan-tekanan yang dikenakan terhadap budaya masyarakat Jepun juga akhirnya membawa kepada kejatuhan keshogunan *Tokugawa* pada tahun 1868.